RISALAH MAKLUMAT PRODUK - Kad Maybank PETRONAS Visa Gold

Pelanggan yang dihormati,
Risalah Maklumat Produk (RMP) ini memberikan maklumat utama mengenai kad kredit anda.

Pelanggan lain telah membaca dan mendapati ianya berguna; **anda juga harus membacanya**.

Tarikh: 25-09-2026

1 Apa itu Kad Maybank PETRONAS Visa Gold?

Kad PETRONAS Maybank Visa Gold menawarkan ganjaran PETRONAS, 8X TreatsPoints pada hujung minggu, dan 5X TreatsPoints pada hari bekerja. Ia boleh digunakan untuk membuat pembayaran bagi sebarang barangan dan perkhidmatan di premis peniaga atau untuk mengeluarkan wang tunai melalui kemudahan Pendahuluan Tunai di ATM. Sebarang jumlah tertunggak yang tidak dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh tamat tempoh, jumlah yang belum dijelaskan akan tertakluk kepada caj kewangan.

2 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bayaran minimum bulanan:

- Bayaran minimum ialah 5% daripada baki tertunggak atau RM25, yang mana lebih tinggi. Jumlah ini termasuk, amaun tertunggak, dan baki yang melebihi had kredit.
- Ansuran Bulanan atau Pelan Pembayaran Mudah serta Pelan Pemindahan Baki, jika ada.
- Ansuran Bulanan Pinjaman Berjangka bagi Penukaran Baki Automatik, jika ada.

Kadar Faedah

Kadar Faedah	Sebulan	Setahun
Bagi bayaran yang dibuat tepat pada masanya 12/12 bulan	1.25%	15%
Bagi bayaran yang dibuat tepat pada masanya 10/12 bulan	1.42%	17%
Pemegang Kad yang tidak termasuk dalam kategori di atas	1.50%	18%

Fi dan Caj

- **Caj pembayaran lewat:** 1% daripada baki belum jelas mengikut tarikh penyata atau minimum RM 10.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi sehingga maksimum RM100.00.
- **Fi Tahunan**: Dikecualikan seumur hidup
- **Cukai Perkhidmatan**: RM25/Kad
- **Cek Tidak Laku**: RM100
- **Fi Penggantian Kad**: RM50/Kad
- **Fi Mendapatkan semula Draf Jualan**: RM15/salinan
- **Fi Meminta Penyata Tambahan**:
- Tempoh penyata bagi 2 tahun : RM5/bulan
- Tempoh penyata lebih daripada 2 tahun : RM10/bulan
- **Pendahuluan Tunai**: Kadar rata 2.52% daripada jumlah pendahuluan tunai atau minimum RM11.65, yang mana lebih tinggi.
- **Kadar Penukaran Urus Niaga Luar Negara**: Kadar Penukaran yang ditentukan oleh Mastercard/Visa/Amex dengan caj tambahan 1% yang dikenakan oleh kami.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma utama** dalam kontrak sebelum menandatangani.



Pastikan bayaran kredit anda dibuat tepat pada masanya



Hubungi kami dengan segera jika and mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad anda.

3 Ketahui Risiko Anda

Apa yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda mengabaikan kewajipan anda?

- Anda akan **membayar lebih** secara keseluruhan disebabkan caj lewat bayar dan faedah berganda.
- Dengan hanya membayar bayaran balik bulanan minimum, jumlah faedah dan masa untuk menyelesaikan **jumlah penuh akan meningkat.**
- Caj kewangan yang dikenakan ke atas baki tertunggak adalah berdasarkan struktur harga berperingkat **mengikut sejarah pembayaran balik anda.**
- Kami **berhak untuk menolak** sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan bersama kami terhadap baki tertunggak anda.
- **Langkah undang-undang** mungkin diambil jika anda gagal memenuhi kewajipan sekurang-kurangnya pembayaran minimum.
- **Skor kredit** anda mungkin terjejas, menyebabkan kemudahan kredit menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.
- **Liabiliti Individu:** Pemegang Kad individu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembayaran.

4 Terma Utama

- Sila kemas kini maklumat hubungan anda dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan bagi memastikan surat-menyurat dapat dilakukan tepat pada masanya..
- Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran berasaskan PIN dan Secure2u jika anda bertindak secara curang.
- Anda akan bertanggungjawab jika anda menangguhkan pemberitahuan kepada kami selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad anda.
- Anda juga akan bertanggungjawab jika anda mendedahkan PIN secara sukarela atau merekodkan PIN pada kad atau berdekatan kad anda.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat, kami berhak untuk **menamatkan kad** anda.
- Anda boleh menguruskan tetapan pembayaran tanpa sentuh (contactless) dengan:
    a. menetapkan had kumulatif harian yang lebih rendah bagi transaksi tanpa sentuh; dan
    b. menyahaktifkan fungsi pembayaran tanpa sentuh pada Kad anda.

Pilihan ini tersedia melalui saluran yang ditetapkan oleh Bank. Untuk maklumat lanjut tentang cara mengurus tetapan tanpa sentuh anda, sila rujuk laman web Bank atau hubungi Khidmat Pelanggan Maybank.

Sekiranya anda mempunyai sebarang atau memerlukan bantuan berkenaan kad kredit, anda boleh:



Hubungi Pusat Kad Maybank di:
1300 88 6688 / 1800 88 9559



Layari laman web:
www.maybank2u.com.my



Emel ke:
mbbcardservice@maybank.com.my

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami tujuan tandatangan yang diberikan.

☐ Saya mengakui bahawa Maybank telah memberikan saya satu salinan Risalah Maklumat Produk (RMP).
☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam Risalah Maklumat Produk (RMP) ini.

**Pengakuan pelanggan tidak akan menjejaskan hak pelanggan mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berkaitan terma dan syarat produk pada masa hadapan.*

Nama:
Tarikh: